



## Membina Laman Web (Website) Menggunakan Google Sites Untuk Kelestarian Ekonomi

Arwansyah Kirin<sup>1\*</sup>, Hafizuddin Sutimin<sup>2</sup>, Tang Yung Pong<sup>3</sup>, Liew Ai Poh<sup>4</sup>, Siti Marpuah<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia

\* [arwansyah@uthm.edu.my](mailto:arwansyah@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.35961/jppmkepri.v1i1.187>

### Abstrak

Pada zaman milenial ini penggunaan teknologi semakin canggih dan berkembang diseluruh dunia, baik itu dalam bidang pendidikan, seni budaya mahupun ekonomi. Wujudnya aplikasi-aplikasi yang berbentuk digital melonjakkan lagi penggunaan internet dalam kehidupan harian termasuklah transaksi jual beli antara negara yang dilakukan hanya diujung jari. Minimnya pengetahuan dan kemahiran mahasiswa serta masyarakat terhadap teknologi menyebabkan mereka kalah dalam persaingan ekonomi. Hal ini dapat menjejaskan produk jualan tidak menarik, imej perusahaan kurang professional dan pendapatan akan rendah akhirnya kelestarian ekonomi menurun. Oleh itu kajian ini berusaha untuk menjelaskan satu cabang teknologi yaitu membina website dikenali sebagai G-Sites. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah *Participation Action Research (PAR Method)*. Pembinaan satu video tutorial *G-Site* telah dilakukan dan dimasukkan dalam youtube. Hasilnya di dapati bahwa 13 orang responden mengatakan video tutorial tersebut 100% dapat membantu mereka dalam membina sebuah website dan juga dapat menambah imej perniagaan lebih professional jika dilakukan dengan menggunakan website. Kesimpulannya bahwa mahasiswa serta masyarakat perlulah menguasai kemahiran dalam teknologi untuk melestarikan ekonomi yang bersaing ditingkat nasional dan internasional.

*Kata kunci:* Teknologi, Ekonomi, Google Sites, Website

### Abstract

*In this millennial era the use of technology is becoming more sophisticated and evolving all over the world, be it in the field of education, cultural arts and economics. The existence of digital applications has further boosted the use of the internet in daily life, including trading transactions between countries that are done at your fingertips. The lack of knowledge and skills of students and the community towards technology causes them to lose in economic competition. This can affect unattractive sales products, the image of less professional enterprises and low income will eventually decrease economic sustainability. Therefore, this study seeks to explain one branch of technology that is building a website known as G-Sites. The methodology used in this study is the Participation Action Research (PAR Method) method. The construction of a G-Site tutorial video has been done and included in youtube. The results found that 13 respondents said the video tutorial 100% can help them in building a website and can also add a more professional business image if done by using the website. The conclusion is that students and the community need to master the skills in technology to sustain a competitive economy at the national and international levels.*

*Keywords:* Technology, Economics, Google Sites, Website

### Pendahuluan

Penggunaan teknologi dalam meningkatkan ekonomi merupakan perkara yang amat penting sekali terutama pada masa-masa Covid-19 ini. Pandemik covid telah mengekang pelbagai aktiviti masyarakat salah satunya adalah sektor ekonomi. Masyarakat sudah diminimkan untuk melakukan transaksi jual beli secara langsung (*Face to Face*) demi menjaga keutuhan dan kelangsungan hidup. Untuk meningkatkan dan memudahkan kembali sektor ekonomi masyarakat dalam bidang perniagaan maka pelbagai cara boleh dilakukan, di antaranya adalah membina website (*G-Site*). Namun amat di sayangkan tidak semua mahasiswa dan masyarakat mampu membina website, apalagi aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengannya. Hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor di antaranya kurang kepakaran dalam bidang teknologi, kurangnya pendedahan dan penjelasan daripada pakar-pakar, masyarakat lebih suka betransaksi secara tradisional (*face to face*) dan kurangnya keyakinan diri terhadap penjualan barang secara online (website) dan sebagainya. Padahal sama-sama kita ketahui bahwa wujudnya website dapat memasukkan pelbagai informasi-informasi tentang produk dan bentuk perniagaan yang dijalankan.

Mudah melakukan pemasaran barang ketahap nasional dan internasional, pemasaran produk lebih cepat dan efisien tidak perlukan masa yang panjang dan sebagainya.<sup>1</sup> Kalau kita perhatikan akhir-akhir ini banyak pabrik-pabrik dan perusahaan yang menggunakan website untuk menjual produk mereka berbanding penjualan secara tradisional (*face to face*). Hal ini dapat mengurangkan biaya penyewaan kedai dan toko, dapat menghemat pembiayaan listrik dan sebagainya.<sup>2</sup> Oleh itu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat sekarang ini tentang pemasaran produk yang mereka hasilkan, maka alangkah baiknya mereka berusaha untuk menggunakan aplikasi website dalam bisnis penjualan. Kerana selain dapat mewujudkan imej perniagaan dan kemudahan, ianya juga dapat meningkatkan kemahiran seseorang dalam bidang teknologi yang sedang berkembang saat ini. Misalnya seperti penjualan Online yang marak di pasaran hari ini, ianya sering disebut sebagai *E-Dagang*. Jenis perniagaan online ini masih sama dengan perniagaan *B2B* (*Business to Business*) dan *B2C* (*Business to Customer*)<sup>3</sup> bedanya adalah sasaran pelanggan saja. Misalnya di Malaysia penjualan Online yang banyak digemari adalah *Shopee*, di dalamnya banyak usahawan dan peniaga yang memasarkan barang dagangannya seperti peralatan dapur, pakaian, perabot rumah tangga dan sebagainya. Dalam dunia perniagaan online ini strategi pemasaran produk hampir berubah keseleruhannya, seperti pemasaran boleh dilakukan kepelanggan secara cepat mengikut keperluan, kemudian waktu yang digunakan secara singkat. Jadi, dengan menggunakan teknologi yang ada ini, jadwal pemasaran barang boleh dilakukan lebih awal dari yang dijangkakan.

Transaksi pembayaran pun dapat dilakukan dengan mudah dan cepat dimana saja seperti *PayPal*, *Big Pay*, kalau di Malaysia pula banyak digunakan *Boost*, *Touch n Go E-Wallet* dan *Grab Pay*. Namun terdapat juga kelemahan dalam perniagaan online ini seperti barang yang sampai ke tangan tidak sama seperti yang dipesan, baik itu dari segi ukuran, bentuk dan sebagainya. Dari itu solusi untuk meningkatkan pemasaran produk yang dihasilkan pada zaman sekarang ini ialah membina website. Pembinaan website ini sebenarnya telah bermula pada tahun 1990-an, mayoritas digunakan untuk tujuan membaca maklumat-

---

<sup>1</sup> Nurazila Mat, Nurmaizura Marzuki, Jamsari Alias, & Nur Atiqah Abdullah. (2016). Penglibatan Mahasiswa Dalam E-Dagang: Kajian Kes di UKM. [www.ukm.my](http://www.ukm.my). Retrieved November 9, 2020, from [https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2017/01/Artikel-7\\_Norazila-Mat.pdf](https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2017/01/Artikel-7_Norazila-Mat.pdf)

<sup>2</sup> Todd A. Finkle, & Olsen Timothy. (2019, January 29). Entrepreneurship in the Digital Era: Creating your own online business. Introduction (page 2). ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/326506804\\_Entrepreneurship\\_in\\_the\\_Digital\\_Era\\_Creating\\_Your\\_Own\\_Online\\_Business](https://www.researchgate.net/publication/326506804_Entrepreneurship_in_the_Digital_Era_Creating_Your_Own_Online_Business)

<sup>3</sup> Martin Kutz. (2016). Introduction to E-Commerce: Combining Business and Information Technology, 1<sup>st</sup> Edition. Chapter 3 and 4 (page 62-106). bookboon.com. Retrieved November 9, 2020, from <https://irp-cdn.multiscreensite.com/1c74f035/files/uploaded/introduction-to-e-commerce.pdf>

maklumat tentang keilmuan dan isu-isu berbangkit. Manakala pengolahan website dan aplikasi telah bermula sejak awal abad pertama lagi, setelah itu ianya berkembang seperti Web 2.0 hinggalah ke hari ini. Di antara contoh pembangunan website yang kita kenal semenjak tahun 1990-an ialah HTML. Ianya dibuat menggunakan sistem kode, sistim ini bergerak selari dengan *Presentation and Cascade Style Sheets (CSS)* and *APIs*<sup>4</sup>. Sistem ini agak rumit dan memerlukan kepakaran untuk peminanya. Selain yang di atas terdapat lagi beberapa aplikasi website yang boleh dibina secara bersendirian seperti *Wix.com*, *Wordpress.com* ataupun *G-Sites*, aplikasi website ini lebih murah, mudah dan berinovasi.<sup>5</sup> Untuk pembuatan website ini maka ianya perlukan alat teknologi modren seperti laptop, Komputer, handphone dan sebagainya. Apalagi dizaman yang serba canggih ini perkembangan teknologi HP berkembang pesat dan ianya bukan merupakan alat kemewahan tetapi sudah kebutuhan hidup. Bagi para pedagang atau pengusaha sepatutnya mengambil kesempatan dan peluang untuk memasarkan produk menggunakan HP yang boleh di akses dengan jari saja. Karena segala perkembangan dunia, perniagaan dan isu-isu terkini boleh didapatkan melalui alat kecil tersebut namun impaknya amat besar bagi kehidupan baik itu untuk mendapat info ataupun untuk menjana pendapatan dan pemasukan. Oleh itu bagi seorang mahasiwa, guru, dosen bahkan masyarakat sekalipun bukanlah mata dan minda untuk beralih kearah yang lebih modren mengikut zamannya terutama dalam segi ekonomi.

### Metode

Bagian ini akan membincangkan kaedah kajian untuk menjawab objektif kajian. Tujuan metodologi digunakan adalah untuk menguraikan lebih terperinci tentang kaedah yang digunakan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah metode *Participation Action Research (PAR Method)*. Dalam kaedah ini, perkara pertama yang dilakukan adalah mengenal akar permasalahan. Setelah itu merancang solusi dan terakhir mengambil keputusan adakah permasalahan itu diselesaikan atau tidak.

1. Mengenalpasti Permasalahan :

Proses mengenalpasti permasalahan bermula ketika mengadakan beberapa perjumpaan secara online (menggunakan aplikasi *google meet*, *zoom* dan juga *whatsapp*) antara students UTHM dan Students STAIN-SAR KEPRI berkaitan tentang projek program KKN antarabangsa. Proses ini membantu kami dalam mengenal pasti masalah dan tujuan program dilakukan, baik itu terhadap pelajar STAIN-SAR maupun masyarakat sekitar tempat mereka melakukan KKN. Setelah diketahui masalah dihadapi maka dibuatlah kajian dan analisisnya dibantu oleh bahan bacaan yang berkaitan tentang ekonomi dan teknologi seperti artikel jurnal, buku-buku dan sumber-sumber lain yang bersesuaian.

2. Tindakan :

Bagian ini membincangkan tentang tindakan yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mahasiswa STAIN-SAR dan masyarakat sekitar di Kuala Sempang Indonesia. Hasilnya, kami membuat tujuh bagian tutorial video cara pembuatan website (G-Site) yang dimasukkan dalam youtube melalui saluran KKN 2020 Kelompok Hijau.

3. Hasil Tindakan :

Hasil daripada tindakan yang telah kami lakukan adalah, kami mencoba melakukan survey terhadap responden menggunakan sebaran angket (borang selidik) terhadap video tutorial pembuatan website.

<sup>4</sup> Grega Jakus, Matija Jekovec, Saso Tomazic, & Sodnic, J. (2010, January 1). New technologies for web development. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from

[https://www.researchgate.net/publication/228742449\\_New\\_technologies\\_for\\_web\\_development](https://www.researchgate.net/publication/228742449_New_technologies_for_web_development)

<sup>5</sup> Todd A. Finkle, & Olsen Timothy. (2019, January 29). Entrepreneurship in the Digital Era: Creating your own online business. Build website themselves (page 7-8). ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from

[https://www.researchgate.net/publication/326506804\\_Entrepreneurship\\_in\\_the\\_Digital\\_Era\\_Creating\\_Your\\_Own\\_Online\\_Business](https://www.researchgate.net/publication/326506804_Entrepreneurship_in_the_Digital_Era_Creating_Your_Own_Online_Business)

## Membina Laman Web (Website) Menggunakan Google Sites...

Di dapati daripada 13 responden menjawab bahawa tutorial yang dibuat dapat membantu mereka dalam membina website dengan mudah dan menarik. Selain itu mayoritas mereka bersetuju bahawa penggunaan website untuk memasarkan produk adalah salah satu cara mudah dalam melonjakkan pembangunan ekonomi sesuatu masyarakat.

### Hasil dan Pembahasan

Di bawah ini terdapat tujuh video tutorial pembuatan website menggunakan (G-Site) beserta video pengenalan tentang tujuan pembuatan video tersebut. Hasil video tersebut telah dimasukkan dalam youtube melalui saluran KKN 2020 Kelempok Hijau dengan bantuan mahasiswa STAIN SAR KEPRI. Untuk lebih jelasnya bisa dilihat dalam jadwal di bawah ini:

Jadwal 1

#### Jadwal Ringkasan Video Tutorial


Tajuk Video	Ringkasan Video	Pautan
Tutorial pembuatan website	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pengenalan video tutorial pembuatan website menggunakan <i>G-Sites</i>.</li><li>- Pengenalan ahli kumpulan yang terlibat dalam pembuatan website.</li><li>- Penerangan tentang tujuan pembuatan video.</li><li>- Pengenalan kepada tujuh video tutorial yang lain.</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=27Tvj3yVMvg">https://www.youtube.com/watch?v=27Tvj3yVMvg</a>
Bagian 1 (Pengenalan kepada Google Sites)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penerangan ringkas tentang maksud (<i>Website</i>).</li><li>- Penerangan cara masuk ke aplikasi <i>G-Sites</i>.</li><li>- Penerangan tentang templat (poster) yang terdapat dalam <i>G-Sites</i>.</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=mRce2a1VCgU">https://www.youtube.com/watch?v=mRce2a1VCgU</a>
Bagian 2 (Pengenalan fungsi ikon)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penerangan tentang cara mengubah fail website.</li><li>- Penerangan satu per satu tentang fungsi ikon yang terdapat dibagian atas halaman <i>G-Sites</i>.</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=LrHiJvJZUg8">https://www.youtube.com/watch?v=LrHiJvJZUg8</a>
Bagian 3 (Pembuatan website)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pengenalan tentang maksud website.</li><li>- Penerangan tentang cara menambah halaman dalam website.</li><li>- Penerangan tentang cara pembuatan nama bagi website tersebut.</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=JsqnqCUMFYE">https://www.youtube.com/watch?v=JsqnqCUMFYE</a>
Bagian 4 (Pemilihan tema website)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penerangan tentang tema-tema yang disediakan oleh <i>G-Sites</i>.</li><li>- Penerangan tentang cara menukar tema yang terdapat dalam website.</li><li>- Penerangan tentang cara menukar tema font tulisan.</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=mCCRg9yCS44">https://www.youtube.com/watch?v=mCCRg9yCS44</a>
Bagian 5 (Pengolahan website)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pengenalan tentang fungsi-fungsi utama pembuatan website.</li><li>- Penerangan tentang kegunaan elemen yang terdapat dalam website.</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=9OXxRWJOhKg">https://www.youtube.com/watch?v=9OXxRWJOhKg</a>
Bagian 6 (Pengolahan lanjutan website)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penerangan tentang cara membina website dengan menggunakan aplikasi <i>G-Sites</i>.</li><li>- Penerangan tentang cara menambah kalendar,</li></ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=KmTH9y">https://www.youtube.com/watch?v=KmTH9y</a>

	gambar, serta pautan lain ke dalam website.	<a href="#">WJVeY</a>
Bagian 7 (Penerbitan website)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerangan tentang cara menerbitkan website yang telah siap dibuat.</li> <li>- Penerangan tentang cara menukar kepemilikan website menjadi nama sendiri.</li> <li>- Penerangan tentang cara share website agar dapat dibina bersama-sama.</li> </ul>	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=n0311E2Y7Y">https://www.youtube.com/watch?v=n0311E2Y7Y</a>

Melalui video tutorial yang telah di share ke dalam youtube, maka kami mencuba untuk mengedarkan angket (borang selidik) untuk menilai keberkesanan video tutorial tersebut. Aplikasi yang digunakan dalam menyebarkan borang selidik adalah dengan google form kepada 13 orang responden. Sedikitnya jumlah responden disebabkan masa yang singkat dan terbatasnya singnal internet dikawasan kampung berkenaan. Dalam borang selidik ini terdapat dua bagian pertama adalah demografi responden baik itu dikalangan mahasiswa mahupun masyarakat sekitar, bagian kedua adalah kajian selidik tentang keberkesanan video tutorial pembuatan website menggunakan G-Site di dalamnya mengandungi lima soalan :

- a. Adakah video tutorial ini membantu anda untuk membuat website?
- b. Adakah anda tahu kewujudan *G-Sites* sebelum menonton video tutorial ini?
- c. Adakah pembuatan website terlihat mudah dengan menggunakan *G-Sites* ?
- d. Adakah anda mempunyai ide untuk membuat pemasaran digital setelah melihat video tutorial ini?
- e. Adakah imej perusahaan terlihat lebih profesional jika diaplikasikan dengan website sendiri?


### 1. Analisis Demografi Responden



Gambar 1 : Analisis Demografi Responden

Daripada rajah 1, didapati 46.2% responden terdiri daripada mahasiswa Indonesia manakala 53.8% adalah kelompok lain. Kelompok lain-lain ini adalah terdiri dari masyarakat di kampung sana, mahasiswa dan masyarakat Malaysia. Tiada dijumpai responden yang berasal dari warga desa tempat students Stain mengadakan KKN. Hal ini boleh jadi kerana borang kajian selidik ini tidak sampai kepada mereka, atau boleh jadi keterbatasan pemahaman penggunaan internet seperti aplikasi google form dan sebagainya.

## 2. Analisis Kajiselidik Keberkesanan Video Tutorial dalam Mencapai Objektif Kajian




Gambar 2 : Analisis Bantuan Video Tutorial Dalam Pembuatan Website

Dalam rajah 2, didapati bahawa 100% responden bersetuju bahawa video tutorial ini dapat membantu mereka untuk membuat website. Hal ini bersesuaian dengan objektif kami yaitu ingin memaparkan kepada penonton dan menjelaskan tentang cara pembinaan website. Selain itu penggunaan video juga dapat membantu dalam pelajaran, yang mana proses pembelajaran akan lebih mudah dan mengasikkan.<sup>6</sup> Menurut Dr. Lazar Stosic, aplikasi teknologi pendidikan dapat meningkatkan kemahiran para students dan kognitif. Dengan bantuan teknologi ini maka pelbagai metode pembelajaran yang muncul termasuk jugalah dalam bidang ekonomi dan sebagainya. Oleh itu para pengusaha kecil dan besar perlulah mempelajari teknologi baru supaya dapat bergerak sesuai dengan kemajuan zaman yang serba canggih ini, agar memperoleh keuntungan yang lebih besar.<sup>7</sup>


<sup>6</sup> Michail Giannakos, Peter Szegedi, Marco Rochetti, Stephanie Teasley, & Konstantinos Chorianopoulos. (2014, February). Video-based learning and open online courses. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/260779087\\_Video-Based\\_Learning\\_and\\_Open\\_Online\\_Courses](https://www.researchgate.net/publication/260779087_Video-Based_Learning_and_Open_Online_Courses)

<sup>7</sup> Lazar Stošić. (2015, June 20). The importance of educational technology in teaching. International Journal of Cognitive Research in Science, Engineering and Education Vol. 3, No.1, 2015. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/278848636\\_The\\_importance\\_of\\_educational\\_technology\\_in\\_teaching](https://www.researchgate.net/publication/278848636_The_importance_of_educational_technology_in_teaching)



Gambar 3 : Analisis Pengetahuan Responden Tentang Kewujudan *G-Sites* Sebelum Menonton Video Tutorial

Daripada rajah 3, kita dapati hanya 38.5% responden yang mngetahui aplikasi *G-Sites* ini. Sedangkan sisanya 61.5% tidak mngetahui kewujudan *G-Sites* dalam pembuatan website. Hal ini berarti pemaparan dan pendedahan video tutorial yang kami buat secara tidak langsung dapat membantu respoden untuk mengetahui kewujudan G-Site serta fungsinya dalam membina website. Oleh itu pengetahuan tentang teknologi seperti G-Site amat perlu dipelajari terutama bagi pengusaha dan pedagang yang bersaing dalam memasarkan produk masing-masing.




Gambar 4 : Analisis Pembuatan Website Menggunakan *G-Sites* Lebih Mudah

Daripada rajah 4, kami mendapati 92.3% responden berpendapat bahwa pembinaan website menggunakan G-Site kelihatan lebih mudah. Sebenarnya pembuatan website ataupun aplikasi apapun jika dilakukan daripada dasar dan ada pengetahuan yang bagus maka ianya akan terasa mudah dan gampang terutama dalam penggunaan HTML<sup>8</sup>, CSS, CSS+ maupun *JavaScript*. Oleh itu bagi para pedagang atau

<sup>8</sup> University of Bristol. (2015, April). Web design 1: Introduction to creating a website using Dreamweaver MX. [www.bristol.ac.uk/is/learning/documentation/web-t3/web-t3.doc](http://www.bristol.ac.uk/is/learning/documentation/web-t3/web-t3.doc). Retrieved November 9, 2020, from <https://www.gti.bh/Library/assets/web-3t-dhfj1829.pdf>

pengusaha jika ingin membuat website maka perlukan pengetahuan dalam bidang teknologi dan juga perlu penelitian terhadap aplikasi-aplikasi yang sesuai digunakan sesuai dengan keperluan agar masa dan tenaga tidak mubazir begitu saja.



Gambar 5 : Analisis Kajiselidik Tentang Pemberian Ide Pemasaran Digital Dalam Video Tutorial

Daripada rajah 5, kami mendapati 92.3% responden memiliki ide untuk membuat pemasaran digital, terutama setelah mereka melihat video tutorial ini. Hal ini menunjukkan bahwa responden telah mengetahui bagaimana cara menggunakan website sebagai media pemasaran digital. Perlu diketahui bahwa sebelum penggunaan teknologi berkembang, maka pemasaran produk banyak dilakukan melalui iklan-iklan di televisse, radio dan juga koran-koran atau majalah. Seiring dengan berjalannya masa dan kemajuan teknologi maka bermunculan pulalah alat-alat teknologi dan aplikasi untuk memasarkan barang dagangan sehingga banyak yang memasarkan menggunakan pemasaran digital. Hal ini kerana konsep pemasaran digital lebih mudah, cepat merebak, mudah diakses, lebih sistematik dan efektif.<sup>9</sup> Oleh itu pemasaran yang dilakukan secara digital akan lebih cepat dalam meningkatkan ekonomi ketahap yang berlipat ganda.<sup>10</sup>

<sup>9</sup> Ahmad Bin Yamin. (2019, June 16). Impact of digital marketing as a tool of marketing communication: A behavioral perspective on consumers of Bangladesh. ISSN 2313-4755. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/321019017\\_Impact\\_of\\_Digital\\_Marketing\\_as\\_a\\_Tool\\_of\\_Marketing\\_Communication\\_A\\_Behavioral\\_Perspective\\_on\\_Consumers\\_of\\_Bangladesh](https://www.researchgate.net/publication/321019017_Impact_of_Digital_Marketing_as_a_Tool_of_Marketing_Communication_A_Behavioral_Perspective_on_Consumers_of_Bangladesh)

<sup>10</sup> Solomon Negash. (2006, January 1). Number of internet users: Measuring digital access progress in economically developing countries. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/228400150\\_Number\\_of\\_Internet\\_Users\\_Measuring\\_Digital\\_Access\\_Progress\\_in\\_Economically\\_Developing\\_Countries](https://www.researchgate.net/publication/228400150_Number_of_Internet_Users_Measuring_Digital_Access_Progress_in_Economically_Developing_Countries)





Gambar 6 : Analisis Laman Website Membuatkan Imej Perusahaan Tampak Lebih Professional

Daripada rajah 6, kami mendapati 100% responden setuju bahwa imej perusahaan terlihat lebih professional jika diaplikasikan menggunakan website. Secara umumnya perusahaan-perusahaan yang memiliki website sendiri kelihatan lebih meyakinkan untuk pembeli dalam melakukan urusan jual beli. Satu kajian yang dijalankan oleh Mike Thewall<sup>11</sup> bahawa media website perlulah bersifat matang dan mencapai kehendak pelanggan. Mayoritas pelanggan akan mencari website-website yang baru dipublikasikan, pandangan dan komentar para pelanggan terhadap website kita adalah satu perkara yang perlu diambil kira agar mereka percaya kepada kita sebagai pemiliknya. Menurut Mike Thewell lagi bahawa pembuat website perlu serius dalam meneroka website yang dia bina, hal ini kerana ianya akan memaparkan imej siapa pembuat website tersebut, baik itu dibina untuk pendidikan, kebudayaan maupun ekonomi. Menjaga imej website yang dibuat agar nampak professional adalah suatu yang penting terutama bagi pedagang yang ingin menarik hati pelanggannya.

### 3. Rumusan Analisis

Melalui analisis di atas dapat dirumuskan bahwa objektif kami dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa STAIN SAR KEPRI dan masyarakat sekitar dapat dicapai dengan menghasilkan satu video tutorial pembuatan website. Hal ini bertujuan agar kelestarian ekonomi senantiasa meningkat dan mampu bersaing dengan pengusaha luar apalagi di zaman yang serba canggih ini.

### Kesimpulan

Kesimpulan dari kajian ini adalah kita perlu menyesuaikan diri dalam segala bidang kehidupan yang senantiasa berkembang dari hari ke hari termasuklah dalam bidang teknologi digital. Hal ini kerana dapat mempertahankan kelangsungan suatu organisasi yang akan berubah seiring dengan perkembangan zaman. Kewujudan teknologi digital pula seperti aplikasi G-Site telah memberikan banyak manfaat kepada kita terutama dalam bidang ekonomi dan meningkatkan kualiti dan produktiviti suatu organisasi tergantung kitanya untuk meraih atau tidak. Melalui program KKN ini pula, students dapat mengasah kemahiran dan kemampuan dalam mempraktikkan teori yang dipelajari, baik itu di dalam kelas maupun diluar kelas dengan cara mengaplikasikannya kepada masyarakat terutama pada masa pandemic Covid-19 ini. Dengan ini secara

<sup>11</sup> Mike Thelwal. (2013, March). Effective websites for small and medium sized enterprises. Journal of Small Business and Enterprise Development. DOI: 10.1108/EUM0000000006836. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/32116161\\_Effective\\_Websites\\_for\\_small\\_and\\_medium\\_sized\\_enterprises](https://www.researchgate.net/publication/32116161_Effective_Websites_for_small_and_medium_sized_enterprises)

tidak langsung kita telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat sekitar dan dapat sedikit banyak mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

### Saran

Proses yang singkat dalam mengumpulkan maklumat, penyelesaian masalah, serta pengumpulan data keberkesanan video tutorial merupakan satu cabaran dan tantangan yang agak besar. Komunikasi melalui dunia maya seperti whatsapp, google meet dan zoom, perbedaan budaya dan bahasa sedikit banyaknya mempengaruhi kami dalam menghasilkan artikel ini. Oleh itu diharapkan untuk masa hadapan kita perlu buat kata sepakat dan penyelarasan program dilakukan secara seksama mulai dari awal hingga akhir agar sumbangan kepada msyarakat dapat dilakukan lebih efektif.

### Ucapan Terima Kasih

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada pihak Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Sultan Abdurrahman Kepulauan Riau yang tidak mampu disebutkan namanya satu persatu yang telah memberikan peluang ini kepada kami dalam menyertai program Mobiliti Daring (KKN Daring). Tidak pula kami ucapkan ribuan terimakasih kepada pihak pengurusan, dosen pembimbing dan dosen-dosen Universiti Tun Hussien Onn Malaysia yang telah mengamanahkan kepada kami untuk menjadi duta Universiti diperingkat antarabangsa. Akhir sekali, kami ucapkan ribuan terimakasih kepada responden yang sudi menjawab soalan angket (borang selidik) yang kami edarkan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang diinginkan. Semoga video yang dihasilkan dapat memberi manfaat untuk orang banyak terutama untuk diri kami sendiri.

### Referensi

- Ahmad Bin Yamin. (2019, June 16). Impact of digital marketing as a tool of marketing communication: A behavioral perspective on consumers of Bangladesh. ISSN 2313-4755. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/321019017\\_Impact\\_of\\_Digital\\_Marketing\\_as\\_a\\_Tool\\_of\\_Marketing\\_Communication\\_A\\_Behavioral\\_Perspective\\_on\\_Consumers\\_of\\_Bangladesh](https://www.researchgate.net/publication/321019017_Impact_of_Digital_Marketing_as_a_Tool_of_Marketing_Communication_A_Behavioral_Perspective_on_Consumers_of_Bangladesh)
- Faiznur Adha Yusoff, Mizhanim Mohd Syahimin, Khazriyati Salehuddin, & Nur Zakiah Mohd Saat. (2018, November 22). Kesahan dan Kebolehppercayaan Soal Selidik 'Pengalaman Pembelajaran Berbantuan Rakan' Versi Bahasa Melayu Untuk Pembelajaran Teknik Lampu Celah Biomikroskopi. www.ukm.my. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2019/01/Artikel-13\\_MIZHANIM\\_Final1.pdf](https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2019/01/Artikel-13_MIZHANIM_Final1.pdf)
- Grega Jakus, Matija Jekovec, Saso Tomazic, & Sodnic, J. (2010, January 1). New technologies for web development. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/228742449\\_New\\_technologies\\_for\\_web\\_development](https://www.researchgate.net/publication/228742449_New_technologies_for_web_development)
- Lazar Stošić. (2015, June 20). The importance of educational technology in teaching. International Journal of Cognitive Research in Science, Engineering and Education Vol. 3, No.1, 2015. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/278848636\\_The\\_importance\\_of\\_educational\\_technology\\_in\\_teaching](https://www.researchgate.net/publication/278848636_The_importance_of_educational_technology_in_teaching)
- Martin Kutz. (2016). Introduction to E-Commerce: Combining Business and Information Technology (1st edition). bookboon.com. Retrieved November 9, 2020, from <https://irp-cdn.multiscreensite.com/1c74f035/files/uploaded/introduction-to-e-commerce.pdf>
- Michail Giannakos, Peter Szegedi, Marco Rochetti, Stephanie Teasley, & Konstantinos Chorianopoulos. (2014, February). Video-based learning and open online courses. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/260779087\\_Video-Based\\_Learning\\_and\\_Open\\_Online\\_Courses](https://www.researchgate.net/publication/260779087_Video-Based_Learning_and_Open_Online_Courses)

- Mike Thelwal. (2013, March). Effective websites for small and medium sized enterprises. *Journal of Small Business and Enterprise Development*. DOI: 10.1108/EUM0000000006836. ResearchGate. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/32116161\\_Effective\\_Websites\\_for\\_small\\_and\\_medium\\_size\\_d\\_enterprises](https://www.researchgate.net/publication/32116161_Effective_Websites_for_small_and_medium_size_d_enterprises)
- Niels Brugger. (2009, February 1). Website history and the website as an object of study - Niels Brugger, 2009. *SAGE Journals*. Retrieved November 9, 2020, from <https://nms.sagepub.com/cgi/content/abstract/11/1-2/115>
- Nurazila Mat, Nurmaizura Marzuki, Jamsari Alias, & Nur Atiqah Abdullah. (2016). Penglibatan Mahasiswa Dalam E-Dagang: Kajian Kes di UKM. *www.ukm.my*. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2017/01/Artikel-7\\_Norazila-Mat.pdf](https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2017/01/Artikel-7_Norazila-Mat.pdf)
- Solomon Negash. (2006, January 1). Number of internet users: Measuring digital access progress in economically developing countries. *ResearchGate*. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/228400150\\_Number\\_of\\_Internet\\_Users\\_Measuring\\_Digital\\_Access\\_Progress\\_in\\_Economically\\_Developing\\_Countries](https://www.researchgate.net/publication/228400150_Number_of_Internet_Users_Measuring_Digital_Access_Progress_in_Economically_Developing_Countries)
- Todd A. Finkle, & Olsen Timothy. (2019, January 29). *Entrepreneurship in the Digital Era: Creating your own online business*. *ResearchGate*. Retrieved November 9, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/326506804\\_Entrepreneurship\\_in\\_the\\_Digital\\_Era\\_Creating\\_Your\\_Own\\_Online\\_Business](https://www.researchgate.net/publication/326506804_Entrepreneurship_in_the_Digital_Era_Creating_Your_Own_Online_Business)
- United Nations. (2018). *Technology and Innovation Report 2018 : Harnessing Frontier Technologies for Sustainable Development* (e-ISBN 978-92-1-363310-6). United Nations Conference on Trade and Development. [https://unctad.org/en/PublicationsLibrary/tir2018\\_en.pdf](https://unctad.org/en/PublicationsLibrary/tir2018_en.pdf)
- University of Bristol. (2015, April). *Web design 1: Introduction to creating a website using Dreamweaver MX*. *www.bristol.ac.uk/is/learning/documentation/web-t3/web-t3.doc*. Retrieved November 9, 2020, from <https://www.gti.bh/Library/assets/web-3t-dhfj1829.pdf>